

Shahidan dijangka kekalkan jawatan Menteri Besar

3

M - 5 DEC 1999

KANGAR 4 Dis. — Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim disebut-sebut akan mendapat kepercayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk kekal memegang jawatan tersebut.

Walaupun surat pelantikan jawatan Menteri Besar belum diterima tetapi Shahidan merupakan pemimpin Barisan Nasional (BN) di negeri ini yang paling layak dilantik setelah berjaya memegang jawatan tersebut sepenggal lalu.

Pelantikan semula Shahidan sebagai Menteri Besar itu, juga berdasarkan kepada kejayaan besar BN Perlis mengekalkan mandat dua pertiga pada pilihan raya umum lalu.

Sebelum ini negeri kecil di utara Semenanjung ini juga menjadi idaman pembangkang untuk ditawan sepenuhnya selain Kelantan, Terengganu dan Kedah.

Bagaimanapun pembangkang sekadar berjaya menawan Terengganu dan Kelantan manakala di Kedah pula pembangkang berjaya merampas banyak kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

Walaupun BN negeri ini kehilangan tiga kerusi Dewan Undangan Negeri iaitu Sanglang, Guar Sanji dan Santan tetapi kejayaan mengekalkan 12 kerusi Dewan Undangan Negeri dan dua Parlimen serta rampas semula Parlimen Arau dari taklukan Pas.

Namun begitu sebelum ini terdapat suara-suara sumbang yang menyatakan Shahidan sudah tidak layak untuk memegang jawatan penting itu.

Malah terdapat dakwaan BN Perlis akan kalah teruk pada pilihan raya kali ini jika Shahidan terus dipilih sebagai calon.

Bagaimanapun pada pilihan raya lalu BN masih dapat mengekalkan kecemerlangannya walaupun majoriti undi agak merosot.

Bercakap kepada pemberita sebelum berlepas ke Kuala Lumpur kelmarin, Shahidan menyatakan keputusan untuk memilih Menteri Besar Perlis diserahkan kepada Perdana Menteri sepenuhnya.

Keputusan

Selain itu, menurutnya, barisan Exco kerajaan negeri Perlis juga masih belum dipilih dan keputusannya juga diserahkan kepada Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, beliau menambah, majlis angkat sumpah pelantikan Menteri Besar dan Exco kerajaan negeri akan diadakan selewat-lewatnya minggu depan.

Sebelum pilihan raya umum lalu, Shahidan pernah menyatakan hasratnya untuk terus memegang jawatan Menteri Besar jika beliau memenangi kawasan Dewan Undangan Negeri Tambun Tulang dan

BN Perlis berjaya memperoleh majoriti dua pertiga.

Pemimpin BN lain yang sebelum ini disebut-sebut menggantikan Shahidan sebagai Menteri Besar Perlis ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid.

Andaian tersebut tidak menjadi kenyataan apabila Azmi dicalonkan semula untuk mempertahankan kawasan Parlimen Padang Besar.

Sepanjang pemerintahan Shahidan hampir lima tahun lalu banyak kejayaan dan pembangunan yang telah dilaksanakan di negeri ini.

Antara projek pembangunan sedang dalam pembinaan dan sudah siap dilaksanakan ialah lebuhraya Changlun-Kuala Perlis, maktab perguruan, pusat matrikulasi sebuah institusi pengajian tinggi, Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Perlis dan Institut Indera Kayangan.

Pembangunan lain ialah pembangunan pusat sumber, pembinaan kompleks anak yatim, mewujudkan dan membangunkan pusat rekreasi, memperbanyakkan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah, menaikkan taraf jalan dan masjid serta dana pelajar ke pusat pengajian tinggi, ibu tunggal dan anak yatim.